

INOVASI... Sebanyak 35 produk penyelidikan dipamerkan dalam Pameran Penyelidikan Inovasi (ResInEx2010) yang berlangsung di UUM.

UUM ONLINE: Pameran Penyelidikan Inovasi (ResInEx2010) menjadi platform untuk mempamerkan hasil, ciptaan dan inovasi yang dihasilkan oleh oleh penyelidik Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sebanyak 35 produk penyelidikan dipamerkan termasuk produk yang telah memenangi anugerah dalam pameran inovasi antarabangsa misalnya *Invention Innovation & Technology Exhibition 2010 (ITEX'10)* yang mencuri perhatian ramai.

Produk tersebut dikategorikan dalam enam kumpulan iaitu Sistem Terbenam, Teknologi Maklumat, Pemprosesan Imej, Robotik, Pemprosesan Pertuturan dan Realiti Maya.

UniMAP telah membawa 15 produk berbentuk prototaip dan demo antaranya, *ROVI: A Robot for Visually Impaired for Collision- Free Navigation* dan *A GPS Based Legged Robot For Mapping Areas Of Impossible Human Entry* oleh Prof. Dr. Nagarajan dan Bukhari Ilias.

Dr. Hariharan dan Lim Sin Chee mempamerkan *Intelligent Diagnosing System for Voice Disorders* dan *Automatic Stuttering Recognition Tool*.

Manakala, produk dari UUM seperti "*V-Haji: Hajj, Umrah and Ziarah training*" oleh Prof. Madya Abdul Nasir Zulkifli, "*Augmented Reality*" oleh Fadziana dan para pelajarnya, "*Harimau – SMS*" oleh Zhamri Che Ani, "*1Malaysia Mobile Game*" oleh Prof. Dr. Norshuhada Shiratuddin dan "*i-automark*" oleh Prof. Madya Fadzilah Siraj.

Pengarah ResInEx2010, Dr. Shahrul Azmi Mohd Yusof berkata, program ini sebagai langkah permulaan untuk mengumpul banyak hasil ciptaan dan mengenal pasti produk yang berkualiti untuk dikomersialkan.

"Sebenarnya, pembangunan dan penyelidikan daripada pelbagai bidang sangat penting dan amat diperlukan dalam usaha menganjak Malaysia ke arah K-Ekonomi," ujarinya di Bangunan Teknologi Maklumat baru-baru ini.

Beliau cukup berbangga dan memuji pereka muda kerana usaha mereka menjadi peransang kepada pencipta lain agar lebih kreatif dan inovatif.

"UniMAP mempunyai produk berteknologi tinggi yang fokus kepada *hard science*, manakala UUM lebih kepada *soft science* yang melibatkan gerak kerja penyelidikan, perundingan dan penasihat berinovatif yang mana produk kita sering memenangi anugerah dan mendapat pengiktirafan.

"Kelebihan yang dimiliki masing-masing jika disepadukan pasti memberi impak yang maksima dalam menghasilkan ciptaan dengan pelbagai kreativiti," ujarinya.

Dalam pada itu, Shahrul sangat berbangga dengan dedikasi dan komitmen ditunjukkan oleh urusetia ResInEx2010 yang bertungkus-lumus selama tiga minggu untuk menjayakan acara ini.

ResInEx2010 yang julung kali diadakan itu merupakan anjuran bersama Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), UUM College of Arts and Sciences, (UUM CAS) dan UniMAP yang bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar dan ahli akademik di sekitar Kedah dan Perlis untuk memperkenalkan produk dari UUM dan UniMAP.

Pelajar dari Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Arau dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu yang memeriahkan acara didedahkan dengan pelbagai maklumat terkini dan ilmu baru sekali gus menjana idea.

Selain pameran produk inovasi, ResInEx2010 turut menyediakan sesi syarahan yang menjadi medan kepada golongan akademik berinteraksi dan berbincang mengenai peluang penyelidikan dan kolaborasi.

Pada majlis sama, Timbalan Naib Canselor Akademik UniMAP, Prof. Dr. Sazali Yaacob menyampaikan syarahan bertajuk *Innovation in Acoustic Research* yang menggalakkan perkongsian pintar antara institusi yang terlibat.

Habis.